

LENTERA HIKMAH NAIB CANSELOR #46

PEMIMPIN DIBENTUK, BUKAN DILAHIRKAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam UMK4U 1 Hati 1 Jiwa.

Pada 1 Januari 2026, pelantikan jawatan pentadbir giliran telah berkuat kuasa melibatkan staf terpilih yang diberikan kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab kepimpinan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Pelantikan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan universiti bagi memastikan kesinambungan pengurusan serta membangunkan keupayaan kepimpinan dalaman secara terancang, sistematik dan berperingkat.

Dalam kerangka pembangunan kerjaya dan kelestarian bakat pula, saya melihat kaedah pelantikan ini wajar dilihat sebagai satu proses pembentukan kepimpinan yang berterusan. Kepimpinan bukan terbina secara serta-merta, sebaliknya berkembang melalui pengalaman, pendedahan dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Setiap pentadbir giliran yang dilantik sedang melalui proses pembelajaran kepimpinan yang penting, dan daripada proses inilah terhasil kefahaman, keyakinan serta kematangan dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Bertitik tolak daripada prinsip tersebut, universiti telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang berfokus bagi membina dan memperkasa bakat kepimpinan dalam kalangan warga UMK. Hakikat bahawa sebahagian pemimpin yang diberi peluang ini terdiri daripada kelompok usia yang muda dan muka baharu mencerminkan pendekatan universiti yang menilai potensi, keupayaan serta kesediaan memikul amanah, dan bukan semata-mata berasaskan tempoh perkhidmatan atau latar jawatan terdahulu.

Dalam konteks ini, kepimpinan di UMK dinilai berdasarkan keupayaan berfikir secara teknikal dan taktikal, kebolehan membuat keputusan yang tepat serta keupayaan menggalas tanggungjawab dalam persekitaran operasi universiti yang semakin dinamik dan mencabar. Justeru, kehadiran pemimpin muda atau muka baharu perlu dilihat sebagai aset strategik yang menyumbang kepada kelincuhan organisasi, menyegarkan pendekatan pengurusan serta menyokong penambahbaikan berterusan melalui sudut pandang yang segar, namun kekal selari dengan hala tuju institusi.

Walaupun bagaimanapun, universiti sentiasa menghargai dan tidak menidakkan peranan pemimpin sedia ada yang berpengalaman, strategik dan berwibawa. Kepimpinan berpengalaman ini kekal menjadi tunjang kestabilan serta rujukan utama dalam memastikan kesinambungan hala tuju UMK. Seiring dengan keperluan semasa, ruang juga perlu diperluas kepada barisan pemimpin baharu agar kepimpinan berpengalaman dapat berperanan sebagai mentor strategik, sekali gus membimbing dan memperkukuh pembangunan kepimpinan pelapis secara berkesan.

Sehubungan dengan itu, saya turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan-mantan Dekan dan Pengarah atas segala sumbangan, khidmat bakti dan kepimpinan yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan sebelum ini. Segala usaha dan pencapaian yang telah digerakkan menjadi asas kukuh serta legasi penting kepada pembangunan universiti, yang wajar dihargai, diteruskan dan diperkasakan.

Akhirnya, saya berharap agar pemimpin muda, muka baharu dan pemimpin berpengalaman di UMK dapat bergerak sebagai satu pasukan yang saling melengkapi dan memperkukuh antara satu sama lain. Setiap generasi kepimpinan mempunyai kekuatan tersendiri yang hanya akan memberi nilai apabila digerakkan secara kolektif, dengan keterbukaan untuk belajar, kesediaan menambah baik pendekatan pengurusan serta keupayaan menyesuaikan diri dengan keperluan organisasi yang sentiasa berubah. Melalui pembentukan kepimpinan yang konsisten dan berfokus, UMK akan terus diperkukuh oleh barisan pemimpin yang berfungsi, berintegriti dan benar-benar memahami amanah sebenar kepimpinan.

Sekian, terima kasih.

Ikhtisar daripada,
Arham Abdullah